

Tauhid teras integriti tunjang kesejahteraan bangsa, negara

Menyusuri perjalanan sepanjang 2020, ternyata tahun lalu terisi pelbagai kenangan dan pengalaman berwarna-warni. Mungkin gelintir bersejuru 2020 adalah tahun penuh cabaran yang bukan calang-calang hebatnya.

Perasaan memasuki ambang tahun baharu kali ini tidak seperti sebelumnya yang penuh dengan keterujaan, semuanya disebabkan cengkaman pandemik COVID-19.

Sehingga kini, kita masih berperang dan berjuang melawan pandemik sementelah berlakunya gelombang ketiga yang amat mencabar kesabaran dan ketahanan barisan hadapan serta pihak berkaitan.

Kehadiran wabak ini turut menyingkap pelbagai isu kemanusiaan yang selama ini terlindung dan tersembunyi di sebalik keadaan hidup yang aman dan damai.

Bertambah malang, apabila 2020 diakhiri tragedi menyaksikan adanya segelintir manusia yang mencemarkan dan merobek nama baik Islam dalam isu kartel daging import yang diragui status halalnya.

Tidak lama sebelum itu, timbul juga isu pecah amanah dan kegagalan segelintir kakitangan agensi awam menjalankan tanggungjawab dalam hal membabitkan warga asing.

Apabila semua perkara yang menyedihkan ini lebih tersorot dalam lipatan 2020, selain pandemik yang menjadi rencah sepanjang tahun berkenaan, ada baiknya jika kita sama-sama mengambil sedikit masa untuk bermuhasabah diri, sebelum meneruskan perjalanan menelusuri 2021.

Perjalanan 2021 seharusnya menjadi episod dan fasa pemulihan seperti mana setiap orang mahukan untuk negara ini dan dunia pulih sepenuhnya daripada wabak COVID-19.

Dalam fasa pemulihan atau bagi mengembalikan semula integriti yang sudah dirobrek, kaedah terbaik adalah dengan mengembalikan diri ke pangkuan Ilahi dengan sebenar-benar kembali.

Kembali mengenali Tuhan sebagai Yang Maha Pencipta yang juga tempat tumpuan atau matlamat pengabdian.

Ini seperti mana disebut dalam firman Allah SWT yang bermaksud, "*Wahai orang-orang yang beriman! Rukuklah serta sujudlah (mengerjakan solat), dan beribadatlah kepada Tuhan kamu (dengan mentauhidkan-Nya); serta kerjakanlah amal-amal kebajikan; supaya kamu berjaya (di dunia dan akhirat).*" (Surah al-Hajj ayat 77).

Itulah situasinya apabila manusia ini duduknya sebagai hamba yang wajib mengabdikan hidup dan matinya semata-mata untuk meraih keridaan Ilahi, yang merantainya suatu kefahaman bahawa Allah itulah yang seharusnya menjadi tumpuan kepada kecintaan.

Hal ini dijelaskan Allah SWT melalui firman-Nya, "*Katakanlah (wahai Muhammad): 'Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluargamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, (jika semuanya itu) menjadi perkara-*

ra-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan Rasul-Nya dan (daripada) berjihad untuk agama-Nya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusan-Nya (azab seksa-Nya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasis (derhaka)." (Surah at-Taubah, ayat 24).

Allah SWT jugalah sebagai pemberi rezeki pada setiap makhluk yang hidup di muka bumi, sebagaimana disebut dalam al-Quran yang bermaksud, "*Wahai umat manusia, ingatlah akan nikmat Allah yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu. Adakah pencipta selain daripada Allah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Tiada tuhan melainkan Dia, maka mengapa kamu rela dipalingkan (daripada menyembah-Nya)?*" (Surah Fatir, ayat 3)

Ayat ini memberi faham bahawa, hanya Allah SWT yang memberi rezeki secara mutlak. Sama ada pihak majikan, pelanggan, penderma ataupun mana-mana pihak yang menyerahkan wang ringgit atau memberi sumbangan dalam pelbagai bentuk diperlukan manusia, mereka itu hanyalah perantara atau penyampai sahaja.

Apabila konsep ini difahami, sudah tentu manusia yang beriman akan hanya mengusahakan rezeki yang halal sahaja untuk dimakan, dipakai atau digunakan dalam menjalani kehidupan harian.

Hal demikian selari firman Allah SWT melalui ayat 162 Surah al-An'am yang menyebut bahawa solat, ibadah, hidup dan matinya seseorang insan adalah hanya untuk Pencipta-Nya yang memelihara dan mentadbir alam ini.

Dalam konteks mengusahakan pendapatan sebagai rezeki, ia harus dalam ruang lingkup pengabdian bahawa manusia itu ialah hamba.

Dalam hal ini ada banyak perkara harus atau dibolehkan dilakukan semua manusia dalam urusan mencari pendapatan, cuma manusia juga perlu ingat bahawa ada batasan tertentu yang harus diambil peduli.

Sebahagiannya ialah perkara yang diharamkan oleh syariat demi menjaga

masalah agama. Sebahagiannya pula ialah tindakan yang tidak dibenarkan undang-undang negara kerana pelanggaran terhadap undang-undang akan menjejaskan kesejahteraan dan ketenteraman awam.

Pelanggaran undang-undang negara juga maksiat yang sudah pasti akan memberi kesan terhadap keberkatan sesuatu rezeki yang diraih.

Muhasabah yang berjaya akan menerbitkan konsep muqarabah, iaitu berasa sentiasa dalam pengawasan Allah SWT dan berasakan Allah SWT sentiasa berada di sampingnya. Insan ini akan meyakini bahawa di akhirat kelak semua amalan akan diperlihatkan satu demi satu sama ada baik ataupun jahat.

Dalam surah al-Zalzalah, ayat 7-8 Allah SWT berfirman yang bermaksud: "*Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam suratan amalnya). Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam suratan amalnya).*"

Muslim yang bijaksana akan menginsafi bahawa setiap kelazatan di dunia ini akan ada pengakhirannya, kecuali apabila sampai ke satu tahap bahawa melakukan ketaatan itu ada nikmat tersendiri.

Maka, di situ kelazatan dalam melakukan ketaatan tidak akan berakhir dan akan dibawa ke syurga. Cumanya, dalam zaman moden ini sukar untuk mengajak manusia menghayati tauhid uluhiyyah, sekalipun ia sesuatu yang tetap boleh diikhtirakan.

Sama ada suka atau sebaliknya, kekuatan pada tauhid boleh membentuk peribadi mulia dan berintegriti. Inilah pertahanan paling ampuh bagi memastikan kesejahteraan bangsa dan negara terpelihara.

Oleh itu, mengusahakan supaya bangsa kita kembali menghayati falsafah uluhiyyah sebenarnya adalah tanggungjawab bersama dan sudah tentu, ia bermula dengan diri sendiri.

Penulis adalah Pegawai Penyelidik Kanan di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)



Siti Shamsiah Md Supi

